

Nimodipine 30mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dilceren
2. Bagaimana Dilceren berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dilceren
4. Cara menggunakan Dilceren
5. Semasa menggunakan Dilceren
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dilceren
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Dilceren

Dilceren tergolong dalam kumpulan ubatan yang dipanggil penghalang saluran kalsium. Dilceren meluaskan salur darah dan meningkatkan aliran darah. Ia digunakan untuk mencegah kerosakan otak yang disebabkan oleh aliran darah berkurangan ke otak akibat daripada saluran darah mengembang atau yang pecah di dalam otak.

## Bagaimana Dilceren berfungsi

Dilceren ialah satu penghalang saluran kalsium *lipophilic dihydropyridine* yang bertindak pada saluran kalsium yang bergantung kepada reseptor, dengan *predilective anti-vasoconstrictive* dan kesan anti-iskemik pada serebrum saluran darah. Pada pesakit yang mempunyai perdarahan subaraknoid, nimodipine menghalang spasma arteri, mengembungkan salur darah serebrum dan meningkatkan pengaliran darah. Khususnya, ia menormalkan pengaliran darah dalam kawasan spasma vaskular, seterusnya meningkatkan pengaliran darah di kawasan ini. Nimodipine tidak berkumpul di dalam badan dengan pemberian berulang dos terapeutik.

## Sebelum menggunakan Dilceren

### Bila tidak boleh menggunakan

Dilceren tidak boleh digunakan oleh seseorang yang diketahui mempunyai hipersensitiviti kepada nimodipine atau bahan-bahan lain dalam penyediaan ubat ini.

### Mengandung dan menyusukan anak

Dilceren tidak boleh digunakan semasa mengandung dan menyusukan anak.

### Penggunaan kepada kanak-kanak

Dilceren tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak atau remaja di bawah umur 18 tahun.

### Sebelum mula menggunakan Dilceren

Pastikan doktor atau ahli farmasi anda tahu yang anda:

- Mengandung atau menyusukan anak
- Mempunyai masalah hati dan buah pinggang
- Jika anda mempunyai porifia (gangguan darah yang ganjil)
- Mempunyai tekanan darah rendah
- Jika anda mempunyai edema serebrum (otak bengkak)
- Tekanan intrakranial teruk (fenomena tekanan di dalam tengkorak)

### Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Jangan menggabungkan Dilceren dengan ejen-ejen antihipertensi, ubat-ubatan diuretik atau *beta-blocker* kerana ia boleh membawa kepada hipotensi dan kegagalan jantung.

Elakkan mengambil ubat anti-epileptik, phenobarbital atau carbamazepine bersama-sama dengan Dilceren kerana ia boleh menyebabkan pengurangan ketara tahap plasma Dilceren.

Pengambilan cimetidine, agen anti konvulsi Valproic Acid dan jus limau gedang membawa kepada peningkatan dalam tahap plasma Dilceren. Jangan mengambil ubat-ubatan tersebut bersama-sama Dilceren.

## Cara menggunakan Dilceren

### Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Prosedur disyorkan sebelum mula mengambil Dilceren tablet ialah dengan memberikan infusi nimodipine untuk 5-

14 hari, diikuti dengan dos harian tablet Dilcerin 60mg tablet Dilcerin setiap 4 jam (atau 6 kali).

### Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Tablet perlu ditelan sepenuhnya dengan air yang sedikit, tanpa mengira masa makan. Jarak masa antara dos tidak boleh kurang dari 4 jam.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dilceren untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas secepat mungkin dan teruskan pengambilan tablet pada hari itu dalam jarak masa 4 jam. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Terlebih dos yang teruk boleh mempunyai simptom seperti muka kemerahan, sakit kepala, hypotensi, takikardia (degupan jantung yang sangat cepat) atau bradikardia (denyutan jantung yang perlahan), gangguan pencernaan dan mual.

Jika ini berlaku, anda mesti menghentikan pengambilan Dilceren. Ia tidak ada penawar yang khas dan pengurusan sistem perlu dilakukan. Jika nimodipine diambil melalui mulut, lavaj gaster dan pemberian arang yang diaktifkan melalui mulut perlu dipertimbangkan sebagai langkah kecemasan. Jika berlaku hipotensi yang ketara, *intravenous* dopamine atau noradrenaline perlu diberikan. Hemodialisis tidak berkesan untuk ini..

## Semasa menggunakan Dilceren

### Perkara yang perlu dilakukan

# DILCEREN<sup>®</sup> TABLET

Risalah Maklumat Ubat Pengguna (RiMUP)

## Nimodipine 30mg

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dilceren.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum atau makan jus buah gedang semasa mengambil tablet Dilceren. Jus buah gedang boleh menaikkan paras darah bahan aktif, nimodipine.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Dilceren dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

#### Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Kesan-kesan sampingan termasuk:

- Hipotensi yang ketara
- takikardia
- pening
- kelemahan
- sakit kepala
- kemerahan pada muka
- rasa hangat
- ketidakselesaan pencernaan
- mual
- bengkak periferi

Sesetengah pesakit mungkin mengalami:

- insomnia

- keresahan
- kerengsaan
- keagresifan
- perpeluhan

Kes yang jarang berlaku:

- hiperkinesia
- kemurungan
- Trombositopenia
- Ileus usus
- Tanda-tanda penyakit jantung

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda berasa tidak sihat semasa mengambil ubat ini, walaupun anda fikir masalah anda tidak ada kaitan dengan ubat ini.

Jangan terlalu merujuk senarai kesan sampingan dalam risalah ini. Anda mungkin tidak akan mengalami mana-mana seperti itu.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Dilceren**

##### Penyimpanan

- Jauhi ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan dibawah suhu 25 °C.
- Lindungi daripada cahaya.

##### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat Lanjut**

##### Rupa dan warna produk

Tablet dwi-cembung yang bersalut dan berwarna putih.

##### Bahan-bahan

Bahan aktif

*Nimodipine*

Bahan-bahan tidak aktif

*Cellulose microcrystalline*

*Corn starch*

*Polyvidone insoluble*

*Polyvidone K 25*

*Calcium stearate*

*Hypromellose*

*Macrogol 6000*

*Dichloromethane*

*Titanium dioxide*

*Talcum*

*Purified water*

##### MAL number:

MAL20021138A

#### **Pengilang**

Slovakofarma, Zelznica 12, 92027 Hlohovec, Slovak Republic.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pahang Pharmacy Sdn Bhd  
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles, Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

26/11/2013